



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Peredaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

For Immediate Release

Review of laws is MCMC's top priority says Chairman Dr Halim

Cyberjaya, 29 January 2015 --- The review of the Malaysian Communications and Multimedia Commissions Act 1998 (MCMCA 1998) and the Communications and Multimedia Act 1998 (CMA 1998) is top priority for this year, said Chairman of the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Dato' Sri Dr. Halim Shafie.

Expected to be completed by mid-year, the review is targeted to be tabled in Parliament before the end of the year, said Dr Halim. The review is intended to enhance governance in MCMC including through the decoupling of the role of the Chief Executive from the role of the Chairman. Dato' Sri Ahmad Shabery, Minister of Communications and Multimedia had previously said that this will ensure continuity and the balance of responsibility within the organization.

Dr. Halim is on a countdown to achieve specific tasks given to him by Ahmad Shabery when he agreed to come out of semi-retirement to helm the MCMC again. His two-year term started in mid-January this year.

"Two years is not a very long time," said Dr. Halim during a high tea session he hosted for the editors of the local media in MCMC today.

"Also on the Minister's list of priorities is to see that there is a healthy cyberspace for Malaysians to interact in and engage with each other for positive uses. In the last 15 years, since the CMA 1998 came into force and Malaysia embraced convergence, things have changed so much. We have reached the point where we have relative ubiquity in our networks. Now, the emphasis has to be on content," Dr. Halim said.

"We would like to see this network ubiquity being used positively in social terms so that the pervasiveness of the Internet has a constructive impact on the country through a rich content and applications environment. In fact, with the infrastructure more or less in place, utility content becomes more critical and we need to fill the space in sectors such financial, health and education. This will require a high degree of integrity and security in our networks which we will need to continuously improve."

Malaysia is one of the first countries in the world to have embraced convergence when the CMA 1998 was passed by Parliament. Dr. Halim agrees with Ahmad Shabery that the review to the CMA 1998 is not just about creating a healthy cyberspace but a holistic and healthy cyber environment as communications and multimedia services can affect not just the economy but also culture and tradition.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Peredaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media Press Release

“If changes need to be made to the legislation, the focus will be about stimulating further growth in creativity, innovation and content, and creating a healthy cyberspace for governmental and industry development,” stressed Dr. Halim.

Ahmad Shabery had announced previously that greater emphasis will be put towards all aspects of digitisation for the country and he is keen to pursue a digital initiative which will cover both hard and soft infrastructure.

Said Dr. Halim, “The Minister is right in saying that we need this if Malaysia is to remain competitive as a nation, which is why the MCMC will be focusing on content development, and utility content, in particular. Of course, we have to constantly look at issues like quality, speed and affordability, also.”

“What we need to do is ride on the ubiquity. Utility content needs to be increased because the future of public service delivery hinges on this and it will have a great impact on the *rakyat*. This will add to a healthy cyber environment. What we need to do is keep our cyberspace healthy and safe for the government, industry and the people,” he added.

“We recognize the tremendous potential of communications and multimedia services in the development of the country, which is why we need to regularly review our regulatory framework to make it work for everyone, from all angles and perspectives.”

“As difficult and impossible as it sounds, we need to do some future-proofing and look beyond 2020 in terms of the role of communications and multimedia services,” he concluded.

Before his reappointment as Chairman of MCMC, Dr. Halim, 65, was the Chairman of Telekom Malaysia, a non-executive position he held for close to six years after his stint with MCMC ended. Dr. Halim served as Chairman of the MCMC from April 2006 till May 2009. Prior to that, Dr. Halim was the Secretary General of the Ministry of Energy, Water and Communications where he served for six years.

Asked how he felt coming back to a full-time executive position after six years, Halim replied, “I admit that it is a bit difficult and I was a bit cautious in the first few days. But I know that I have the backing of the MCMC officers many of whom were with me during my earlier appointment. I am thankful that I am given the opportunity to contribute again to the growth and development of this sector. Besides, I found it very difficult to say no to the Minister,” said Dr. Halim with a smile.

Dr. Halim's new tenure as Chairman of the MCMC will be from January 2015 until January 2017.

END



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Peredaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Kaji semula undang-undang adalah keutamaan MCMC kata Pengerusi Dr Halim

Cyberjaya, 29 Januari 2015 --- Kajian semula ke atas Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM 1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) menjadi keutamaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada tahun ini, kata pengerusinya, Dato' Sri Dr. Halim Shafie.

Menurutnya, kajian semula itu yang dijangka siap menjelang pertengahan tahun ini, disasar untuk dibentangkan di Parlimen sebelum akhir tahun ini. Kajian semula bertujuan untuk mempertingkatkan tadbir urus dalam MCMC melalui pemisahan peranan Ketua Eksekutif daripada peranan Pengerusi. Sebelum ini, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, usaha tersebut akan memastikan wujudnya kesinambungan dan pengimbangan tanggungjawab dalam organisasi berkenaan.

Ketika ini, Dr. Halim menghitung hari untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu yang telah diberikan kepadanya oleh Ahmad Shabery apabila beliau bersetuju untuk keluar daripada tempoh persaraan untuk menerajui semula MCMC. Tempoh perkhidmatan selama dua tahun Dr. Halim sebagai Pengerusi MCMC bermula pada pertengahan Januari lalu.

"Dua tahun bukanlah satu tempoh yang sangat lama," kata Dr. Halim semasa Sesi Ramah Mesra Bersama Media yang dianjurkan oleh beliau untuk editor-editor media tempatan di ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya, hari ini.

"Turut terkandung dalam senarai keutamaan Menteri kepada saya ialah keinginan melihat suatu alam siber yang mana rakyat Malaysia boleh berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain secara positif. Sepanjang tempoh 15 tahun yang lalu, sejak AKM 1998 mula dikuatkuasakan dan Malaysia memberikan fokus kepada aspek penumpuan (*convergence*), begitu banyak perkara yang telah berubah. Kita telah mencapai tahap di mana kita mempunyai rangkaian di merata-rata tempat. Justeru, penekanan perlu diberikan kepada aspek kandungan," kata Dr. Halim.

"Kita ingin melihat keleluasan rangkaian ini digunakan secara positif dari aspek sosial agar kemudahan internet meluas mendatangkan kesan yang membina kepada negara melalui persekitaran yang kaya dengan kandungan dan aplikasi. Malah, dengan infrastruktur yang dibangunkan, utiliti kandungan menjadi lebih kritikal dan kami perlu mengisi ruangan dalam sektor-sektor seperti kewangan, kesihatan dan pendidikan. Hal ini memerlukan tahap integriti



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Parasaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website: www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media Press Release

dan keselamatan yang tinggi dalam sistem rangkaian kami yang perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.”

Malaysia merupakan salah sebuah negara pertama di dunia yang mengamalkan aspek penumpuan apabila AKM 1998 diluluskan oleh Parlimen. Dr. Halim bersetuju dengan pandangan Ahmad Shabery bahawa kajian semula AKM 1998 bukan hanya bertujuan mencipta sebuah dunia maya yang sihat tetapi juga persekitaran siber yang holistik lagi sihat menyedari perkhidmatan komunikasi dan multimedia bukan sahaja boleh mempengaruhi ekonomi bahkan juga budaya dan tradisi.

"Jika perubahan perlu dibuat kepada undang-undang, perubahan tersebut harus memberikan tumpuan kepada usaha merangsang lagi pertumbuhan kreativiti, inovasi dan kandungan, di samping mewujudkan dunia maya yang sihat untuk kerajaan dan pembangunan industri," tegas Dr. Halim.

Sebelum ini, Ahmad Shabery telah mengumumkan penekanan yang lebih menyeluruh akan diberikan kepada aspek pendigitalan untuk negara. Beliau juga berminat untuk meneruskan inisiatif digital yang akan merangkumi prasarana keras dan mudah.

Dr. Halim berkata, "Menteri adalah betul untuk mengatakan negara memerlukan pendigitalan jika mahu terus berdaya-saing sebagai sebuah negara. Oleh itu MCMC akan memberikan tumpuan kepada pembangunan dan utiliti kandungan secara khususnya. Sudah tentu, kita perlu sentiasa memantau isu-isu seperti kualiti, kelajuan dan kemampuan."

"Apa yang perlu kita lakukan ialah memanfaatkan keleluasaan tersebut. Utiliti kandungan perlu ditingkatkan kerana masa depan penyampaian perkhidmatan awam bergantung kepada hal ini dan ia akan memberi impak yang cukup besar kepada rakyat. Nescaya, ini akan meningkatkan persekitaran siber yang sihat. Apa yang perlu kita lakukan adalah memastikan dunia maya kita sihat dan selamat untuk kerajaan, industri dan rakyat," katanya.

"Kami sedar akan potensi perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia dalam pembangunan negara dan oleh sebab itu, kita perlu sentiasa menyemak semula rangka kerja kawalselia supaya ia sesuai untuk semua pihak, dari semua sudut dan perspektif."

"Biarpun tugas ini kelihatan sukar dan mustahil, kita perlu meramal masa depan dan melihat melewati tahun 2020 khususnya dari segi peranan perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia," tambahnya lagi.

Sebelum pelantikan semula sebagai Pengerusi MCMC, Dr. Halim, 65, merupakan Pengerusi Telekom Malaysia, jawatan bukan eksekutif yang disandang beliau selama hampir enam tahun selepas tempoh perkhidmatan beliau dengan MCMC berakhir. Dr. Halim pernah berkhidmat



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Parasaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8988 8000 Fax: +60 3 8988 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media Press Release

sebagai Pengerusi MCMC dari April 2006 sehingga Mei 2009. Sebelum itu, Dr. Halim merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi selama enam tahun.

Ketika ditanya mengenai perasaan beliau apabila dilantik sebagai Pengerusi MCMC buat kali kedua, Dr. Halim menjelaskan, “ia merupakan satu tempoh yang sukar dan beliau agak berhati-hati pada beberapa hari pertama perkhidmatan. Namun saya tahu saya mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai MCMC yang kebanyakannya pernah berkhidmat bersama-sama dengan saya semasa pelantikan terdahulu. Saya berterima kasih kerana diberikan peluang untuk menyumbang semula kepada pertumbuhan dan pembangunan sektor ini. Tambahan pula, adalah sukar untuk saya untuk mengatakan tidak kepada Menteri,” kata Dr. Halim.

Tempoh perkhidmatan Dr. Halim sebagai Pengerusi MCMC adalah dari Januari 2015 sehingga Januari 2017.

TAMAT

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

**Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: scd@cmc.gov.my**